

# Unimas tidak galak mahasiswanya berpolitik

01-10-10, US, ms 6



KOTA SAMARAHAN, Khamis - Mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) tidak digalakkan terlibat secara aktif dalam parti politik kerana dikhuatiri boleh mengganggu proses pembelajaran di universiti.

Naib Canselor UNIMAS Prof Dr Khairuddin Ab Hamid berkata, sekiranya mereka melibatkan diri dalam politik hanya untuk tujuan akademik ia boleh diberi kelonggaran.

Menurutnya, penglibatan untuk tujuan akademik dapat mendedahkan mereka tentang proses politik yang boleh membantu mereka untuk menjalankan kajian dan perkara itu patut digalakkan.

"Pada pendapat peribadi saya jika mahasiswa dan mahasiswi dibenarkan terlibat secara aktif dalam parti politik ini jelas menunjukkan mereka melencong jauh dari tujuan utama mereka memasuki menara gading untuk menimba ilmu," katanya ketika ditemui di Majlis Ramah-Tamah Aidilfitri UNIMAS 2010 di sini hari ini.

Khairuddin berkata, penglibatan mahasiswa dan mahasiswi dalam parti politik harus diperhalusi supaya mana-mana pihak tidak mengeksploitasi mereka dan menyebarkan dakyah yang buruk mengenai universiti.

"Semua tahu universiti merupakan pusat ilmu, malah pelajar turut diberi ilmu selok-belok ilmu pengetahuan agar mereka mengamalkan politik yang matang apabila keluar daripada universiti," jelasnya. Menurutnya, setakat ini belum ada mahasiswa dan mahasiswi di universiti itu yang didapati melibatkan diri secara aktif dalam parti politik.

Katanya, sekiranya mereka didapati terlibat dalam parti politik pihak universiti tidak akan mengambil tindakan segera tetapi akan melakukan siasatan sejauh mana penglibatan mereka.

"Jika kita mendapati mahasiswa dan mahasiswa cuba bermain politik di universiti pihak pengurusan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan kepada mereka.

"Bagaimanapun, setakat ini saya yakin mahasiswa dan mahasiswi UNIMAS bersih daripada kegiatan politik, malah setiap aktiviti yang dirancang akan merujuk kepada pihak pengurusan terlebih dahulu," ujarnya.

Beliau memberitahu pihak pengurusan universiti itu juga sentiasa memberi perkhidmatan terbaik untuk mengelak pelajar terjebak daripada pengaruh aktiviti negatif dengan menyediakan persekitaran pembelajaran yang selesa.

Berkenaan Majlis Ramah-Tamah itu, Khairuddin berharap ia dapat mengeratkan lagi hubungan dan silaturahim di kalangan kakitangan universiti itu.

Majlis itu yang berkonsepkan 1UNIMAS amat unik sekali dan turut dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS Datu Dr Hatta Solhi.

Sebanyak 20 buah gerai juadah raya dibuka dengan dekorasi yang pelbagai dipaparkan hasil kreativiti gabungan Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian di UNIMAS.

UNIMAS ... Prof Dr Khairuddin Ab Hamid (lima dari kiri) dan Datu Dr Hatta Solhi bergambar bersama kakitangan di Majlis Ramah-Tamah Aidilfitri UNIMAS 2010 di Kota Samarahan, semalam.